

Newspaper	Berita Harian
Date	1 December 2015

Komuniti Ekonomi ASEAN buka ruang PKS

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) memberi lebih banyak peluang kepada sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam meneroka peluang perniagaan di rantau Asia Tenggara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, penubuhan AEC mewujudkan liberalisasi lebih besar terhadap tarif dan sekatan bukan tarif antara negara ASEAN.

"Adalah penting untuk syarikat PKS di negara ini sama ada meningkatkan ekonomi skala relatif atau mengemukakan cadangan bernilai tinggi dalam usaha untuk mengekalkan daya saing berbanding sektor PKS di negara anggota ASEAN," katanya dalam ucapan pembukaan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) Ke-19 di Parlimen, semalam.

Ia adalah mesyuarat kedua MPPK bagi tahun ini. Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia, Datuk Dr Hafsa Hashim.

Najib turut menyentuh isu Peijanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang dijangka



Najib melancarkan aplikasi rasmi SME Corporation Malaysia di ibu negara, semalam yang turut disertai Mustapa, Hafsa dan Abdul Wahid. [FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

memberi lebih banyak manfaat selain beberapa cabaran dengan jangkaan ia dilaksanakan dalam tempoh dua tahun akan datang.

Nilai kedudukan pasaran

"Ia adalah peluang untuk kita menilai kedudukan pasaran, kekuatan dan kemampuan untuk bersaing," katanya.

Perdana Menteri berkata, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sektor PKS terus me-

ngekalkan prestasi pertumbuhan yang lebih baik daripada pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

Beliau berkata, sektor PKS berkembang pada kadar purata tahunan 8.6 peratus berbanding pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan sebanyak 5.4 peratus dalam tempoh 2012 hingga 2014.

"Pertumbuhan ini tercapai meskipun berdepan dengan

kenaikan kos akibat daripada pengurangan subsidi, pelaksanaan gaji minimum, cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut melancarkan aplikasi rasmi SME Corporation Malaysia yang mengandungi maklumat mengenai program dan skim bantuan kewangan untuk PKS yang disediakan oleh kerajaan.